



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT NO. 62
75450 MELAKA
Email : daftar@mel.moe.gov.my

Pengarah : 06-2323782
Tim. Pengarah : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323776/777/778/779
Fax : 06-2320500

Rujukan Fail : JPM.04726/Jld. 18 (78)
Tarikh : 18 april 2006

Rozita binti Hassan
Eksekutif Pemasaran
Read Network
80-1A, Jalan 3, Batu Caves Centrepoint
68100 Batu Caves, Selangor.

Tuan,

**KEBENARAN UNTUK MEMPERKENALKAN KAEDAH DAN PENGGUNAAN ALAT SERBAGUNA
PENDIDIKAN 'MAGIC BLOCK' DI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH**

Dengan hormatnya, saya merujuk surat tuan - bertarikh 6 April 2006 mengenai perkara di'atas.

2. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Surat Pekeliling Iktisas Bil. 12/1988 bertarikh 29 Jun 1988 melarang pengusaha, jurujual dan wakil syarikat mengadakan jualan terus dagangan / barangan, promosi / demontrasi dan pameran kepada guru-guru dan murid-murid dalam waktu persekolahan atau melantik sekolah sebagai wakil pengedar / jualan.

3. Walau bagaimana pun jabatan ini memberi kebenaran kepada tuan berdasarkan kelonggaran pada perenggan 4 Surat Pekeliling Iktisas Bil. 12/1988. Kebenaran ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah.

- 3.1. Mendapat persetujuan daripada Pengetua / Guru Besar Sekolah yang berkenaan.
- 3.2. Pameran demonstrasi, promosi dan jualan dilakukan pada satu-satu hari tertentu yang ditetapkan, misalnya ketika sekolah mengadakan perayaan Hari Ibu Bapa, Hari Guru, Hari Sukan, Mesyuarat Tahunan Persatuan Ibu Bapa Guru dan seumpamanya.
- 3.3. Demonstrasi dan promosi hanya untuk mendapatkan perhatian dan pertimbangan pihak pentadbir sekolah, pengurusan koperasi sekolah atau Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa Guru tanpa melibatkan pelajar-pelajar dan lain-lain guru.
- 3.4. Kebenaran ini adalah untuk tujuan yang diluluskan sahaja dan sah sehingga 31 Disember 2006.

Sekian dimaklumkan , terima kasih,

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “
'Cintailah Bahasa Kita'**

Saya yang menurut perintah,


MD. ALIBIN SAED
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pelajaran Melaka.

s.k. Fail Penyelaras.